

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (82)d/m.KKM-82/2/6

29 hb April, 1987

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Sabah/Sarawak.

Pengarah,
Hospital Universiti, Universiti Malaya,
59100 Kuala Lumpur.

Pengarah,
Hospital Universiti,
Universiti Sains Malaysia,
16150 Kubang Kerian, Kelantan.

Pengarah,
Hospital Besar, 50586 Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.6/1987

Akta Perubatan 1971 - Borang 6 Yang Baru

Saya menarik perhatian tuan kepada perenggan 4 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.12/1986 bertarikh 30hb Ogos, 1986. Bersama ini disertakan keping Borang 6 yang baru untuk digunakan. Sila ambil perhatian Borang 6 yang baru ini akan ditandatangani oleh Pengerusi, Lembaga Kelayakan Perubatan iaitu saya sendiri dan tidak lagi Dekan, Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Oleh yang demikian Borang 6 serta dokumen-dokumen lain hendaklah dihantar terus kepada Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur.

2. Dalam menyempurnakan Borang 6, perhatian tuan adalah juga ditarik kepada surat Ketua Pengarah Kesihatan bil. (45)d/m.KKM-74 (35/1/6)-Jld.2 yang ditandatangani oleh Pengarah Latihan & Tenaga Manusia bertarikh 7hb Mei, 1986 yang menetapkan penubuhan Jawatankuasa Penilaian untuk menilai prestasi seseorang pegawai dalam latihan doktor siswazah dan juga kepada Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.15/1986 bertarikh 21hb November, 1986.

3. Penggunaan Borang 6 yang baru ini berkuatkuawa mulai 1hb Jun, 1987. Tuan bolehlah mencetak sendiri Borang 6 apabila bekalan yang dihantar habis. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Borang 6 yang baru ini hendaklah ditujukan kepada Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia.

Saya yang menurut perintah,



[TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN]
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Pegawai Kanan Perhubungan Awam.

-/re

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (83) dlm. KKM-82/2/6

19 hb April, 1987

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan Persekutuan.

Tugas dan Tanggongjawab Atendan Tingkatan Biasa

Saya merujuk kepada laporan akhbar The Star 24 April 1987 bertajuk "The Shahpur Case: HA Files Appeal". Ada dua perkara dalam laporan ini yang tuan-tuan perlu ambil perhatian.

(a) Atendan yang berkenaan telah menyatakan beliau telah diarah membuat kerja-kerja pengkhatanan sebagai salah satu tugas-tugas am sebagaimana yang tercatat dalam senarai tugas-tugas Atendan Tingkatan Biasa yang telah dikeluarkan oleh Kementerian ini melalui surat bil. (113) dlm. KKM-8250 Bhg. 4 bertarikh 14hb November, 1977; dan


(b) Pihak Kesatuan pula menggesa Kementerian memberhentikan amalan membenarkan atendan-atendan hospital menjalankan tugas-tugas yang mereka tidak diberi latihan.

2. Dengan ini tuan-tuan adalah diminta memastikan bahawa

(a) Atendan-atendan tidak diarah menjalankan kerja-kerja pengkhatanan kerana kerja ini bukan kerja atendan; dan

(b) Atendan-atendan hendaklah diberi latihan yang sewajarnya bagi setiap tugas yang mereka dikehendaki menjalankan.

Saya yang menurut perintah,


[TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHANI]
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha